

Pasarakyat kurang dapat sambutan

UM 16 MAY 2002

KUALA LUMPUR 15 Mei - Pasarakyat yang mula beroperasi sejak empat bulan lalu kurang mendapat sambutan orang ramai dan jumlah pengunjung yang datang hanya sekitar 40 peratus daripada sasaran pihak pengurusan pasar berkenaan.

Pengarah Urusan Pasar Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB), Steve Wong berkata, **kekurangan** itu dipercayai **berpunca** daripada sikap **pengunjung** yang masih **menganggap** pasar tersebut menjual barangan dengan harga yang tinggi.

Selain itu menurut beliau,

orang ramai **juga** **menganggap** kawasan berkenaan yang terletak di tengah **bandar raya** sering **mengalami** kesesakan jalan **raya** yang serius.

"Jika dilihat setiap hari, kawasan pasar ini hanya **sesak** ketika waktu puncak **sahaja** dan orang ramai hanya menggunakan peluang **waktu** pulang dari **kerja** untuk membeli barangan dapur," katanya.

Malah kata beliau, orang ramai **juga** **menganggap** jika **tempat** itu bersih dan besar, **harga** barangan yang **dijual** tinggi dan tidak berpatutan.

"Kita sekarang sedang be-

rusaha untuk mengubah tanggapan **tersebut** dan akan memastikan konsep yang dilakukan di Paarakyat ini adalah yang terbaik **dari-pada** tempat lain," katanya ketika ditemui **Utusan Kota** di sini, hari ini.

Pasarakyat yang **dirasmi-**kan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir **Mo-**hamad Februari lalu **meng-**gabungkan tiga ciri pasar utama iaitu pasar borong, pasar **tani** dan pasar **malam**.

Pasar yang terletak di **Ja-**lan Imbi itu **juga** **memboleh-**kan nelayan, petani dan **pe-**kebun **kecil** berpeluang **me-**masarkan **hasil** pertanian

secara terus kepada **pelang-**gan **tanpa** melalui orang **te-**ngah.

"Malah harga sayur-sayu-
ran serta barangan **tempat-**an yang dijual di Paarakyat itu **juga** murah dan **berpatu-**an berbanding di pasar **raya** besar yang lain.

Sebagai contoh menurut Wong, pasar yang lebih mempromosikan hasil **kelu-**aran **tempat**an itu **juga** **men-**jaga kualiti sayur-sayuran dan **juga** barangan **tempat**an lain supaya segar dan bebas dari racun serangga yang berlebihan.

Beliau turut menambah, **kini** beberapa agensi **pelan-**

congan **tempat**an telah **men-**jadikan pasar **tersebut** **seba-**gai tempat persinggahan **un-**tuk pelancong melihat ke-
selesaian yang ditonjolkan PRSB.

"Kita pasti ingin memper-
kenalkan kawasan pasar yang bersih dan selesa **kepa-**da pelancongan luar dan **bo-**leh diceritakan kepada **ra-**kan mereka yang lain," ka-
tanya.

Untuk itu kata beliau, **pi-**haknya akan mengadakan pelbagai program dan **pro-**mosi tersusun **bagi** menarik lebih ramai pengunjung.

Menurut beliau, **antara-**nya ialah mewujudkan pasar

malam yang teratur khusus untuk peniaga **tempat**an dan hanya **dikenakan** bayaran perkhidmatan sahaja.

"Projek **tersebut** akan **ber-**mula **penghujung** bulan **ini** dan kami herharap **peniaga** mengambil kesempatan **da-**

ripada program **tersebut** untuk memasarkan hasil **bara-**ngan mereka," katanya.

Selain itu Wong berkata, pihaknya **juga** akan **mewu-**judkan **pusat** sejarah yang menggabungkan pelbagai **agensi** kerajaan dan artifak

lama yang diperoleh **daripa-**da **individu**.

"Cara ini sahaja **kita** boleh memberitahu generasi **muda** mengenai keperitan dan **ke-**susahan generasi **lama** un-
tuk membangunkan **Kuala Lumpur dahulu**," katanya.